

Bab 3

Kesan Dasar Kerajaan Terhadap Perkembangan Bahasa Melayu

3.1 Pengenalan

Jika kita membandingkan bahasa Melayu di Malaysia dengan di Thailand dari segi pandangan kerajaan, terdapat satu perbezaan yang amat ketara. Bahasa Melayu di Malaysia dipupuk dan dikembangkan mengikut perancangan rapi yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan, sekali gus belanjanya juga ditanggung. Badan pelaksanaan bahasa, iaitu Dewan Bahasa dan Pustaka memainkan peranan yang penting dalam hal ini. Walaupun masih terdapat banyak cabaran dan rintangan yang perlu diatasi untuk mencapai hasrat yang sebenarnya (hal ini dibincangkan secara terperinci dalam **Bab 8**), secara umumnya usaha dasar bahasa di Malaysia mencapai kejayaan yang cemerlang, terutamanya dalam bidang perancangan korpus bahasa, iaitu mengembangkan bahasa Melayu itu sendiri supaya menjadi salah satu bahasa moden.

Bahasa Melayu di Thailand pula tidak menerima sebarang pengaruh perancangan bahasa oleh pihak kerajaan Siam. Usaha kerajaan yang boleh disifatkan sebagai dasar bahasa cuma dilaksanakan terhadap bahasa Thai, dan tumpuannya ialah penyebaran bahasa Thai kepada seluruh pelosok negara, terutamanya wilayah sempadan selatan yang menjadi kawasan kediaman bangsa Melayu. Seperti bahasa Melayu di Malaysia, bahasa Thai di Thailand juga dianggap sebagai teras perpaduan negara, maka penyebaran bahasa Thai dilakukan dalam wacana kebangsaan Thai.

Sebaliknya, bahasa Melayu di Thailand dianggap sebagai salah satu unsur yang mengancam keselamatan negara. Dengan itu, dasar bahasa yang menuju ke arah perkembangan bahasa Melayu oleh kerajaan Siam tidak dilakukan sama sekali, malah boleh dikatakan bahawa dengan peningkatan atau pelaksanaan penggunaan bahasa Thai, bahasa Melayu semakin tersingkir daripada berbagai-bagai bidang penggunaan, dan hal ini membawa berbagai-bagai kesan yang negatif terhadap perkembangan bahasa Melayu.

Dalam bab ini pada mulanya diterangkan dasar bahasa yang telah dan sedang dilakukan di Malaysia secara ringkas. Memandangkan bahawa hasil kajian mengenai perancangan bahasa Melayu sudah cukup banyak, di sini pengkaji akan menjelaskannya secara ringkas dan merumuskan tanggapan beberapa ahli bahasa terhadap hasil dasar bahasa tersebut. Kemudian perbincangan beralih kepada negara jiran, iaitu di Thailand. Di negara ini tidak dilakukan sebarang perancangan bahasa terhadap bahasa Melayu, sebaliknya bahasa Melayu dalam negeri tersebut telah menerima berbagai-bagai kesan yang boleh dikatakan negatif dari dasar kerajaan Thai yang merupakan dasar asimilasi, yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran kewarganegaraan Thai di kalangan bangsa Melayu. Dalam hal ini bahasa Thai digunakan sepenuhnya sebagai alat pelaksanaan. Dasar kerajaan Siam (seterusnya kerajaan Thai, penukaran nama ini dilakukan semasa pemerintahan perdana menteri Phibul Songkram yang memegang jawatannya sejak tahun 1938 (Nik Anwar, 1999 : 00)) yang berbentuk dasar asimilasi meliputi pelbagai bidang seperti pemerintahan, pentadbiran, kedudukan raja-raja Melayu, agama, pendidikan, pakaian, bahasa dan lain-lain lagi. Oleh sebab kebanyakan dasar yang diambil ini bertentangan dengan nilai-nilai orang Melayu yang berteraskan agama Islam, dasar kerajaan tersebut

membangkitkan kemarahan dan tentangan daripada orang Melayu. Beberapa peristiwa berdarah juga pernah berlaku, seperti peristiwa Dusun Nyiur pada 26 April 1948 (Nik Anwar, 1999 : 77). Dasar asimilasi kerajaan Siam/Thai terhadap bangsa Melayu di wilayah sempadan selatan Thailand merupakan satu perkara yang perlu dikaji oleh para ahli pengajian Melayu secara lebih mendalam. Walaupun begitu, di sini tumpuannya diberikan kepada aspek bahasa, iaitu pengaruh atau kesan dasar asimilasi kerajaan Siam/Thai terhadap bahasa Melayu.

3.2 Dasar Pengembangan Bahasa Melayu di Malaysia

Bahasa Melayu di Malaysia dianggap salah satu daripada alat perpaduan kaum yang penting sekali. Rakyat Malaysia terdiri daripada berbagai-bagai kaum yang masing-masing dicirikan oleh corak kebudayaannya sendiri. Selain itu, dalam negara ini tidak ada satu bangsa yang menduduki kedudukan yang jauh melebihi bangsa-bangsa lain dari semua segi seperti bangsa Siam di Thailand. Dengan demikian, perpaduan kaum merupakan matlamat kerajaan yang paling mustahak, dan sekiranya tersilap dalam hal ini, akan mendatangkan akibat yang tidak diingini, seperti yang pernah berlaku dalam bentuk Peristiwa 13 Mei pada tahun 1969.

Satu lagi sebab yang menjadikan bahasa Melayu sebagai alat perpaduan kaum yang penting ialah sifat bahasa yang agak neutral. Jika sekiranya aspek-aspek budaya yang lain dijadikan sebagai alat perpaduan, kemungkinan mendatangkan akibat yang kurang baik. Misalnya, unsur-unsur yang berkaitan dengan agama dan kepercayaan amat sukar dijadikan teras perpaduan kaum, kerana sejarah telah membuktikan

bahawa pertentangan agama atau pemaksaan sesuatu agama kepada penganut agama yang lain sentiasa mengakibatkan peristiwa berdarah. Hal ini demikian kerana seorang manusia tidak boleh menganut dua agama sekali gus, dan tidak ada istilah 'dwiagama'. Sebaliknya, manusia boleh menguasai lebih daripada dua bahasa mengikut keperluan serta kemampuan, dan hal ini amat lumrah di seluruh pelosok dunia. Malah, menurut Gorsjean (1982 : 1), "kebanyakan penduduk dunia ialah orang dwibahasa". Istilah *dwibahasa* dalam sociolinguistik tidak terhad kepada orang yang menguasai dua bahasa, malah konsep ini meliputi orang yang menguasai beberapa bahasa yang juga dirujuk sebagai *anekabahasa*. Dengan itu, bahasa boleh dijadikan alat perpaduan kaum tanpa mendatangkan akibat yang buruk.

Dari sudut yang lain pula, adanya bahasa yang difahami oleh semua kaum menjadi syarat yang mustahak untuk menyampaikan hasrat kerajaan atau melaksanakan dasar kerajaan dengan tepat. Bagi negara yang mempunyai bahasa yang kedudukannya jauh lebih mantap berbanding dengan bahasa-bahasa lain masalah ini tidak timbul, seperti di Perancis, Inggeris, Korea, Jepun dan sebagainya. Masalah seperti ini selalunya dihadapi oleh negara yang tidak mempunyai bahasa yang mantap dalam negaranya sendiri. Masalah demikian berlaku di negara-negara yang baru merdeka daripada belenggu penjajahan. Kemerdekaan bererti penduduk tempatan perlu berinteraksi secara langsung dengan dunia luar. Oleh sebab pada zaman penjajahan komunikasi dengan dunia luar tersekat, dan kemajuan serta perkembangan dalam segala aspek tergendala, maka penduduk di negara yang baharu merdeka mendapati diri mereka ketinggalan dalam banyak aspek. Hal ini menjadi pendorong untuk menjalankan berbagai-bagai perancangan yang bertujuan mengikuti perkembangan sezaman (Nik Safiah, 1992 : 44). Perkembangan bahasa yang tersekat

semasa zaman penjajahan juga perlu diperkukuh semula, dan demi tujuan tersebut, dilakukan usaha pengembangan bahasa atas tanggungan kerajaan.

Dalam bidang sosiolinguistik terdapat dua istilah yang berkaitan dengan usaha pemupukan bahasa yang dilakukan oleh kerajaan, iaitu dasar bahasa dan perancangan bahasa. Setelah istilah 'perancangan bahasa' dikenalkan oleh E. Haugen pada 1959 (Calvet, 1998 : 114), istilah tersebut digunakan secara meluas. Tetapi dalam kajian ini, memandangkan usaha yang dilaksanakan dalam perancangan bahasa bersifat pelaksanaan dasar bahasa, maka perancangan bahasa dianggap sebagai subbidang kepada dasar bahasa (Calvet, 1998 : 115). Selain itu, perancangan bahasa, terutamanya perancangan taraf bahasa, dilaksanakan berdasarkan undang-undang yang bersifat dasar.

3.2.1 Perancangan Taraf Bahasa

Bagi kebanyakan negara yang baharu merdeka dari kuasa penjajah, masalah bahasa merupakan tugas yang amat penting. Masalah pertama yang dihadapinya ialah masalah pemilihan bahasa. Oleh sebab sempadan negara yang kebanyakannya ditentukan oleh kuasa penjajah tidak semestinya seiring dengan sempadan sosio-budaya, maka dalam negara-negara demikian terdapat beberapa bangsa atau suku kaum, yang masing-masing mempunyai corak kebudayaannya sendiri. Dalam penentuan bahasa kebangsaan atau bahasa rasmi, ada dua penyelesaian bagi masalah pemilihan bahasa. Yang pertama ialah menggunakan bahasa bekas penjajah, dan yang kedua ialah mengangkat salah satu (atau lebih daripada itu) bahasa tempatan sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi bagi negara baharu. Kebanyakan negara di

Afrika menggunakan bahasa bekas penjajah, iaitu bahasa Inggeris atau bahasa Perancis sebagai bahasa rasmi negara. Sebaliknya, negara Nusantara kesemuanya mengangkat kelainan bahasa Melayunya menjadi bahasa kebangsaan atau bahasa rasmi negara.

Selepas kemerdekaan, di Malaysia bahasa Melayu mengalami peningkatan taraf. Menurut Hassan Ahmad (1997 : 219), usul perundangan yang berkaitan dengan taraf bahasa Melayu ialah Fasal 152 Perlembagaan (1957), Akta Bahasa Kebangsaan 1963/1967 dan wawasan pendidikan kebangsaan yang dicetuskan oleh Laporan Jawatan Kuasa Pelajaran Razak 1956 (yang menjadi asas Akta Pelajaran 1957)¹. Menurut Hassan Ahmad (1997 : 219) lagi, perubahan dari segi taraf bahasa Melayu setelah kemerdekaan boleh dilihat dari tiga sudut. Pertama, melalui pengisytiharannya sebagai bahasa kebangsaan, bahasa Melayu dijadikan bahasa untuk seluruh rakyat Malaysia, dan bukan lagi milik bangsa Melayu secara eksklusif. Yang kedua, bahasa Melayu menggantikan bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi tunggal, dan yang ketiga ialah bahasa Melayu menggantikan bahasa Inggeris sebagai alat pengantar utama dalam sistem pendidikan kebangsaan. Dengan kata lain, perancangan taraf bahasa di Malaysia boleh dilihat dari segi hubungannya dengan bahasa Inggeris, iaitu bahasa Melayu telah mengambil alih semula fungsi yang pernah dimainkan oleh bahasa Inggeris sebelum zaman kemerdekaan.

Hasil perancangan taraf bahasa terhadap bahasa Melayu membawa pelbagai kesan yang baik kepada bahasa Melayu. Dari segi pentadbiran, penggunaan bahasa Melayu semakin meluas. Walaupun secara lisan, iaitu dalam perbincangan, bahasa

¹ Untuk mendapatkan huraian yang lebih terperinci berkenaan kepentingan undang-undang tersebut terhadap bahasa Melayu, sila rujuk Hassan Ahmad (1997).

Inggeris masih digunakan, surat-surat rasmi kerajaan ditulis dalam bahasa Melayu. Dalam bidang perundangan juga, dengan adanya usaha yang dilakukan oleh berbagai-bagai pihak, bahasa Melayu mulai mengambil tempat yang sewajarnya, walaupun penggunaan bahasa Inggeris masih dibenarkan. Penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar pendidikan telah dipastikan sekurang-kurangnya hingga peringkat menengah atas, sambil menjaga kepentingan bahasa Cina dan bahasa Tamil dengan mengekalkan sistem pendidikan masing-masing.

Kenaikan taraf bahasa Melayu setelah kemerdekaan telah membawa pelbagai kesan positif seperti yang dijelaskan di atas. Antaranya, pada pendapat pengkaji, sebagai orang luar masyarakat Malaysia, kesan yang paling positif dan ketara ialah penggunaan bahasa Melayu secara bertulis. Cabaran dan ancaman terhadap bahasa Melayu yang sering dipertikaikan oleh para ahli bahasa serta pejuang bahasa, kebanyakannya terdapat dalam bentuk bahasa Melayu lisan. Memang tidak dapat dinafikan bahawa, walaupun lebih 40 tahun berlalu sejak kemerdekaan, alangkah anehnya, masih terdapat papan-papan tanda yang menggunakan bahasa Melayu yang ganjil. Nik Safiah (1992 : 88) menyenaraikan penggunaan bahasa Melayu yang ganjil dalam papan-papan tanda seperti yang berikut:

1. *Gigi Klinik Ah Chong*, yang diterjemahkan dari *Ah Chong Dental Clinic*, yang sepatutnya *Klinik Gigi Ah Chong*
2. *Orient Kedai Gunting Rambut*, terjemahan dari *Orient Hair Dressing Saloon*, yang sepatutnya *Kedai Gunting Rambut Orient*
3. *Simpan Kosong* bagi *Keep Empty*, yang sepatutnya *Kosongkan*

4. *Kedai Jahit Wanita*, bagi *Ladies Dressmaking Shop* yang seharusnya berbunyi
Kedai Menjahit Pakaian Wanita

Selain contoh-contoh yang bersifat demikian, iaitu melanggar peraturan tatabahasa (contoh 1 dan 2) atau penggunaan yang tidak tepat (contoh 3 dan 4), terdapat juga papan-papan tanda yang dicirikan oleh kesalahan ejaan. Imbuhan di- yang menunjukkan kata kerja pasif kerap kali dieja berpisah daripada kata dasarnya, seperti 'Di Larang Merokok'.

Walaupun demikian, kesalahan-kesalahan yang bersifat demikian tidak perlu dipandang serius kerana penyelesaiannya amat mudah, iaitu membetulkannya. Punca kesalahannya mungkin lebih mendalam, iaitu ketidaksungguhan pengguna dalam pembelajaran atau penguasaan bahasa Melayu secara sambil lewa. Tetapi lama-kelamaan kesalahan begini akan lenyap ekoran daripada pelaksanaan dasar pendidikan yang berpengantar bahasa Melayu.

Sebaliknya, jika kita melihat penggunaan bahasa Melayu di papan-papan tanda di tempat awam,, keadaan ini merupakan satu kejayaan besar. Misalnya, seorang pelancong asing yang turun dari pesawat di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, akan menyaksikan papan-papan tanda yang bahasa Melayunya ditulis paling atas sekali. Lalu semasa dia menggunakan pengangkutan awam ke Kuala Lumpur, di lebih raya, jalan-jalan besar, dia akan menemui tanda-tanda keselamatan seperti 'Awat', 'Kurangkan Laju', 'Berhenti', serta nama-nama jalan dalam bahasa Melayu seperti 'Jalan Raja Laut', 'Jalan Ipoh', 'Jalan Sultan Ismail' dan sebagainya. Apabila memasuki kawasan bandar, pelancong berkenaan juga akan melihat nama-nama

bangunan dan tempat dalam bahasa Melayu, seperti 'Wisma Putera', 'Angkasapuri', 'Masjid Negara' dan banyak lagi. Setelah membuka bilik di sebuah hotel atau rumah tumpangan, jika pelancong berkenaan berjalan di bandar, dia akan mendapati banyak jenis kedai seperti 'kedai buku', 'kedai gunting rambut', 'kedai alat ganti kereta' dan seumpamanya. Kemudian selepas penat berjalan, pelancong berkenaan memasuki kedai makana biasa, lalu bertemu dengan menu yang penuh dengan bahasa Melayu, seperti 'Nasi Goreng', 'Nasi Ayam', 'Roti Canai', 'Kopi O', 'Teh Tarik' dan sebagainya. Dalam kedai makan, biasanya di dinding ditampalkan iklan yang juga menggunakan bahasa Melayu.

Keadaan yang sama sifatnya juga akan dialami oleh pelancong yang memasuki negara Malaysia dari Singapura melalui jalan darat di Johor Baharu. Di Singapura, bahasa Inggeris digunakan sepenuhnya baik secara lisan mahupun tulisan, dan hampir tidak ada tempat bagi bahasa Melayu bertulis kecuali surat khabar Melayu dan beberapa buku teks sekolah. Tulisan di tempat awam di Singapura kebanyakannya menggunakan bahasa Inggeris dan sedikit bahasa Cina. Ini merupakan satu perbezaan yang amat ketara dengan keadaan di Malaysia. Daripada dua contoh yang diambil di atas, jelaslah bahawa dari segi pemerhatian, penggunaan bahasa Melayu tulisan di Malaysia amat kukuh.

Dari segi taraf yang tercatat dalam undang-undang pula, boleh dikatakan bahawa bahasa Melayu menikmati kedudukan yang amat selesa. Sebelum kemerdekaan, bahasa Inggeris menduduki takhta sebagai bahasa yang tertinggi di Malaya, baik sebagai bahasa rasmi mahupun sebagai bahasa pengantar pendidikan

tinggi yang bersifat elitis. Kini tempatnya telah diambil alih oleh bahasa Melayu secara tuntas.

Bahasa Melayu diangkat menjadi bahasa kebangsaan², bahasa rasmi tuggal 10 tahun selepas kemerdekaan dan bahasa pengantar dalam semua peringkat pendidikan sehingga peringkat pengajian tinggi. Menurut Hassan Ahmad (1997 : 220), “undang-undang bahasa yang ada itu ... sudah cukup untuk membolehkan kerajaan dan pihak-pihak yang menyokong dasar itu memajukan bahasa Melayu bersungguh-sungguh dan sebijak mungkin sesuai dengan taraf dan martabatnya sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara”. Tetapi kenyataannya tidak seperti yang tercatat dalam undang-undang, malah sebaliknya. Kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan memang sudah mantap dan tidak perlu dipertikaikan lagi. Yang sentiasa diancam ialah kedudukannya sebagai bahasa rasmi dan bahasa pengantar pendidikan tinggi. Walaupun sudah lebih 40 tahun berlalu semenjak kemerdekaan, masih terdapat pihak yang kurang yakin terhadap bahasa Melayu. Golongan ini mengesyorkan supaya bahasa Inggeris dijadikan sebagai bahasa rasmi dan bahasa pengantar pendidikan tinggi, terutamanya dalam aliran sains dan teknologi, walaupun perbincangan mengenai kedudukan bahasa melanggar isu sensitif yang ditentukan oleh Akta Hasutan (Hassan Ahmad, 1997 : 224). Cabaran dan ancaman terhadap bahasa Melayu dibincangkan dalam **bab 8** nanti.

² Di kebanyakan negara, bahasa kebangsaan memainkan peranan sebagai bahasa rasmi negara. Sebaliknya, di beberapa negara seperti Singapura dan Switzerland, bahasa kebangsaannya tidak semestinya berfungsi sebagai bahasa rasmi negara, tetapi lebih bersifat lambang kenegaraan. Di Switzerland, bahasa Romans menjadi salah satu daripada bahasa kebangsaan (tiga lagi bahasa kebangsaan ialah bahasa Jerman, bahasa Perancis dan bahasa Itali), tetapi tugas sebagai bahasa rasmi ditanggung oleh tiga bahasa kebangsaan lain.

3.2.2 Perancangan Korpus Bahasa

Masalah kedua yang dihadapi oleh pihak pemerintah setelah selesai pemilihan bahasa serta pemberian taraf yang sewajarnya ialah masalah pembinaan bahasa. Penjajahan bukan sahaja mempengaruhi aspek ekonomi dan sosial, malah oleh sebab bahasa penjajah mengambil alih bahasa tempatan dalam bidang-bidang yang penting, seperti perundangan, pentadbiran dan pendidikan tinggi, maka perkembangan bahasa tempatan disekat. Dengan kata lain, bahasa tempatan disingkirkan dari kedudukannya oleh bahasa penjajah. Bahasa Melayu misalnya, “daripada bahasa yang agung, yang digunakan di istana-istana dan sebagai bahasa kesusasteraan, tercampak ke tepi longkang, lalu menjadi bahasa di rumah, di kedai-kedai kopi, dan bahasa pengantar di sekolah-sekolah rendah, sekolah yang mengajar orang-orang Melayu menjadi ‘*good farmers and good fishermen*’ (Nik Safiah, 1990 : 63). Tidak dapat dinafikan bahawa beberapa sasterawan agung, seperti Raja Ali Haji, Abdullah Munsyi dan sebagainya, muncul dalam zaman penjajahan dan meninggalkan karya-karya agungnya, namun secara umumnya kedudukan agung bahasa Melayu diambil alih oleh bahasa Inggeris, dan tidak ada orang yang berminat terhadap pelajaran bahasa Melayu yang begitu rendah kedudukannya bagi orang-orang tempatan. Boleh dikatakan bahawa kebanyakan pengajian bahasa Melayu pada zaman penjajahan dilakukan oleh para pengkaji Barat, yang datang dari negara yang menjajah Tanah Melayu, iaitu pengkaji bahasa Indonesia dari Belanda dan pengkaji bahasa Melayu dari Inggeris.

Disebabkan oleh hakikat bahawa bahasa tempatan disekat perkembangannya, usaha untuk mengembangkan bahasa tempatan supaya memenuhi pelbagai keperluan menjadi tugas yang perlu dipikul oleh pihak pemerintah. Usaha pengembangan

bahasa terdiri daripada dua faktor, iaitu penyeragaman (pengekodan) dan pemupukan (Nik Safiah, 1992 : 45). Penyeragaman bermaksud menyelaraskan kelainan bahasa dari berbagai-bagai daerah dan sosial melalui penyediaan tatabahasa, kamus, panduan ejaan dan sebagainya. Pemupukan pula bertujuan untuk mengembangkan kelainan bahasa yang diseragamkan supaya mencapai keadaan saling menterjemah dengan bahasa-bahasa utama lain di dunia. Perkara yang paling penting ialah pembentukan istilah, kerana dengan adanya istilah yang mencukupi, baharulah sesuatu bahasa dapat mengungkapkan konsep-konsep yang berkaitan dengan perkembangan sezaman, termasuk bidang sains dan teknologi.

Dalam hal ini, perkara yang perlu dilakukan ialah penyelarasan sistem tulisan, pembentukan istilah serta penyusunan tatabahasa. Bagi bahasa yang tidak mempunyai sistem tulisan, penentuan sistem tulisan merupakan langkah yang pertama. Walaupun bahasa Melayu telahpun mempunyai dua jenis tulisan, iaitu tulisan Jawi dan tulisan Rumi, kedua-dua tulisan tidak dibakukan pada zaman penjajah. Bahasa Melayu ditulis oleh para penulis mengikut ejaan yang dikira oleh penulis sebagai ejaan yang sesuai. Dengan demikian sistem ejaan bahasa Melayu sebelum kemerdekaan menunjukkan kepelbagaian yang terlampau. Oleh yang demikian penyelarasan sistem tulisan menjadi soal yang penting dalam perancangan bahasa. Setelah mengalami liku-liku penyelarasan, kini bahasa Melayu baku (termasuk bahasa Indonesia bertulisan Rumi memiliki ejaan bersama yang ditetapkan pada tahun 1972, dan sistem tersebut menunjukkan keselarasan yang amat tinggi, iaitu dieja mengikut sebutan, atau disebut mengikut ejaan.

Berbanding dengan soal ejaan, aspek yang lebih penting bagi perkembangan bahasa Melayu dari segi bahan bahasa (korpus) ialah pembentukan istilah. Dalam zaman penjajahan, bahasa Melayu hampir tidak diberikan peranan dalam bidang yang penting seperti perundangan, pentadbiran serta pendidikan tinggi. Dalam bidang demikian bahasa penjajah digunakan, dan akibatnya bahasa Melayu tidak memiliki istilah yang mencukupi. Setelah mencapai kemerdekaan, bahasa Melayu, baik di Malaysia mahupun di Indonesia, menghadapi kekurangan istilah. Untuk mengatasi masalah ini, langkah yang diambil ialah pembentukan istilah. Dewan Bahasa dan Pustaka, sebagai pihak yang bertanggungjawab terhadap perancangan korpus bahasa, sehingga bulan Disember 1994, telah membentuk sebanyak kira-kira 650,000 istilah baru dalam berbagai-bagai bidang (Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994 :15). Pembentukan istilah bahasa Melayu mempunyai satu keistimewaan, iaitu penyelenggaraan di peringkat antarabangsa melalui Majlis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia (MABBIM, yang pada mulanya ditubuhkan pada 1972 sebagai Majlis Bahasa Indonesia-Malaysia, iaitu MBIM). Disebabkan oleh perbezaan dari segi gaya bahasa, cita rasa, pemilihan kata dan latar belakang sosial, sejarah dan budaya bahasa dan sebagainya, penyelarasan yang seratus peratus tidak dapat dicapai (Hassan Ahmad, 1988 : 162), memandangkan bahawa jurang pemisah antara bahasa Melayu di Malaysia dan Bahasa Indonesia semakin hari semakin meluas (Ismail Hussein, 1995 : 155); adanya usaha penyelarasan bahasa demikian amat bermakna dan diperlukan.

Selain usaha-usaha yang demikian, untuk mengayakan bahasa Melayu diadakan juga penyusunan kamus, penyelidikan terhadap tatabahasa dan penyelarasan sebutan. Dewan Bahasa dan Pustaka, misalnya, telah menghasilkan berbagai-bagai

kamus serta daftar istilah mengikut peringkat keperluan. Penerbit-penerbit swasta juga mengikuti jejak yang sama, dan kini terdapat sejumlah besar kamus bahasa Melayu di pasaran. Kamus bahasa Melayu bukan sahaja terdapat dalam bahasa Melayu, malah terdapat dalam bahasa Cina, bahasa Tamil, bahasa Inggeris, bahasa Perancis, bahasa Jepun dan sebagainya.

Penyelarasan tatabahasa juga tidak kurang kepentingannya dalam memajukan sesuatu bahasa supaya tidak mendatangkan kekeliruan makna satu-satu ungkapan. Dengan adanya usaha para pengkaji tatabahasa, kini terdapat sejumlah besar buku panduan tatabahasa bahasa Melayu. Di samping itu, boleh dikatakan bahawa kajian terhadap tatabahasa merupakan satu bidang yang amat digemari. Oleh itu hasil kajian terhadap tatabahasa bahasa Melayu juga amat memuaskan. Dalam seminar bahasa [Melayu pasti ada sejumlah kertas kerja tentang pengajian tatabahasa Melayu, dan *Jurnal Dewan Bahasa* jarang ada keluaran yang tidak memuatkan makalah mengenai kajian tatabahasa.

Dari segi sebutan pula, walaupun telah ditentukan sebutan baku³, iaitu sebutan bahasa Melayu mengikut ejaan, masih ramai tidak mengikutinya, terutama bunyi /a/ pada suku kata akhir terbuka, dan beberapa konsonan dalam kata-kata pinjaman dari bahasa Inggeris, seperti /g/ diganti dengan /j/ (misalnya dalam perkataan 'teknologi'). Tetapi ini tidak semestinya mendatangkan kekacauan makna, dan sebutannya terserah kepada pihak pengguna. Secara kasar, boleh dikatakan bahawa dalam situasi rasmi

³ Terdapat penggunaan ungkapan 'bahasa baku' untuk merujuk kepada sebutan baku, seperti "Pembaca Berita Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) tidak menggunakan bahasa baku". Pada pendapat pengkaji, ungkapan ini tidak tepat sama sekali, kerana bahasa Melayu baku telah pun wujud dalam bentuk tulisan mahupun lisan, dan digunakan secara meluas, cuma sebutannya tidak mengikuti garis panduan sebutan baku yang telah ditentukan.

atau formal, sebutan bahasa Melayu yang digunakan menunjukkan keseragaman. Dengan kata lain, dalam keadaan demikian, sebutan bahasa Melayu tidak begitu dicirikan oleh dialek daerahnya, sebaliknya menunjukkan sifat kebakuannya.

Daripada penjelasan di atas, boleh disimpulkan bahawa setelah kemerdekaan, perancangan korpus bahasa Melayu amat berhasil sehingga berjaya memajukan bahasa Melayu sebagai salah satu bahasa yang boleh mengungkapkan hal ehwal yang berkaitan dengan perkembangan sezaman, bukan sahaja dalam bidang sains kemanusiaan, malah dalam bidang sains dan teknologi. Kini yang ditunggu cuma penggunaan yang sepenuhnya.

3.3 Kesan Dasar Kerajaan Thailand terhadap Bahasa Melayu

Dari sudut pandangan dasar bahasa ini, keadaan bahasa Melayu di Thailand tidak seperti di Malaysia, iaitu tidak dipandang sebagai sasaran yang perlu dikembangkan dan diperluas bidang penggunaannya, malah usaha yang dilakukan oleh kerajaan Thai ialah sebaliknya. Pada zaman Kesultanan Melayu Patani atau Patani Darussalam, bahasa Melayu menduduki tempat sebagai bahasa kebangsaan dan memainkan peranan sebagai bahasa rasmi (Jihad Muhammad, 1999 : 8). Tetapi setelah Patani jatuh ke tangan Siam sepenuhnya sejak tahun 1902, bahasa Melayu juga hilang tempatnya, dan peranan penting dalam pentadbiran negeri diambil alih oleh bahasa Thai. Dasar kerajaan yang boleh disifatkan sebagai dasar bahasa cuma dilaksanakan terhadap bahasa kebangsaan, iaitu bahasa Thai sahaja, dan dasar

kerajaan ini pula membawa pelbagai kesan yang boleh dianggap negatif terhadap bahasa Melayu dalam negaranya.

Penaklukan Patani oleh kerajaan Siam merupakan kejadian sejarah yang sama sifatnya dengan penjajahan kuasa-kuasa Barat yang berlaku di seluruh kawasan Nusantara. Dari satu segi, memang tidak dapat dinafikan bahawa Patani ialah satu-satunya kawasan orang Melayu yang tidak pernah jatuh ke tangan kuasa Barat (Mohd. Zamberi, 1994 : xi), tetapi ini tidak bermaksud Patani bebas daripada pengaruh penjajahan. Perkembangan bahasa Melayunya juga turut terjejas ekoran daripada penjajahan Siam. Oleh sebab kuasa penjajah di Patani ialah kerajaan Siam, dan berlainan daripada kawasan-kawasan Nusantara yang lain, iaitu penjajah kuasa-kuasa Barat, maka boleh dikatakan bahawa dialek Melayu Patani merupakan kelainan bahasa Melayu yang paling kurang dipengaruhi oleh bahasa Barat, terutamanya bahasa Inggeris. Di Malaysia, ekoran daripada penjajahan Inggeris, istilah-istilah yang berkaitan dengan sistem konsep moden kebanyakannya diambil daripada bahasa Inggeris. Di Patani pula, istilah-istilah yang bersifat demikian kebanyakannya diambil daripada bahasa Thai, di samping beberapa perkataan bahasa Inggeris yang diambil kerana faktor geografi yang berdekatan dengan Malaysia (Malaya).

Secara kasar, dasar kerajaan Siam/Thai yang mempengaruhi bahasa Melayu boleh dibahagikan kepada dua jenis, iaitu (1) dasar yang berkaitan dengan nama orang dan nama tempat, dan (2) dasar yang berkaitan dengan penggunaan bahasa Melayu, terutamanya dalam bidang pendidikan. Kedua-dua jenis dasar ini mempunyai tujuan yang sama, iaitu mengasimilasikan orang-orang Melayu dengan golongan majoriti negara, iaitu bangsa Thai dari semua segi, kecuali bidang agama. Istilah *Thai Muslim*

yang diuraikan dalam **Bab 2** merupakan satu langkah untuk mengasimilasikan orang-orang Melayu dengan golongan majoriti negara, dan dasar-dasar lain yang dilakukan juga bertujuan sama, iaitu ‘mensiamkan’ orang Melayu.

3.3.1 Latar Belakang Dasar Asimilasi

Bangsa Melayu di Patani dan bangsa Siam di utara merupakan ‘musuh tradisional’ sejak zaman-berzaman. Kerajaan Siam mempunyai hasrat untuk memperluas jajahnya ke arah selatan. Misalnya, dalam batu bersurat prasasti maharaja Ramkhamhaeng semasa zaman kegemilangan kerajaan Sukhothai, tercatat bahawa kuasanya disebarakan sehingga hujung Semenanjung Tanah Melayu, walaupun catatan ini tidak sesuai dengan hakikat sejarah (Imran Maklulim, 1995 : 50). Tetapi dari catatan ini jelaslah hasrat bangsa Siam untuk meluaskan jajahnya.

Perhubungan antara Siam dengan Melayu mula mengambil bentuk peperangan sejak zaman Ayutthaya. Pada ketika itu Patani diperintah oleh raja-raja perempuan, dan masih mampu menewaskan serangan Siam, malah zaman pemerintahan raja-raja perempuan (1548-1686) dianggap zaman kegemilangan kesultanan Melayu Patani (Mohd. Zambari, 1994 : 2-3). Tetapi pada akhir zaman raja perempuan mula kelihatan kekacauan politik, terutamanya yang disebabkan oleh perebutan kuasa, dan akhirnya raja perempuan terakhir, iaitu Raja Kuning (1635-88) meninggalkan kerajaan tanpa orang pengganti yang berwibawa. Setelah itu semakin luaslah perebutan kuasa antara golongan pembesar Melayu, dan kuasa kerajaan Patani juga semakin mundur. Kerajaan Patani yang dahulunya mampu menewaskan serangan Siam yang berturut-turut, kini mula hilang daya tahannya, dan akhirnya ditewaskan serangan kerajaan

Siam, iaitu kerajaan Chakri. Pada tahun 1786, Patani pula mengalami kekalahan yang teruk, iaitu Sultan Muhammad telah syahid dalam pertempuran, dan akibat kekalahan itu, seramai 4,000 orang Melayu Patani dibawa ke ibu kota Siam, Bangkok sebagai tawanan perang (Nik Anwar, 1999 : 20). Setelah itu Patani diletak di bawah kekuasaan Siam, dan diperintah oleh raja yang dilantik dari pihak Siam. Raja-raja Melayu pula diwajibkan menghantar ufti dalam bentuk bunga emas dan bunga perak, dan ini juga meninggalkan kesan mental terhadap orang Melayu Patani (Jihad Muhammad, 1999 : 2). Pada bulan Mac tahun 1902, setelah Tengku Abdul Kadir Kamaruddin, Raja Melayu terakhir, dilucut dari kedudukan raja dan ditawan atas tuduhan menderhaka kerana bermuafakat untuk menentang kerajaan Siam, berakhirlah sejarah kerajaan Melayu Patani, dan masuklah zaman penaklukan Siam, iaitu menjadi sebahagian daripada negara Siam.

Di samping faktor sejarah yang disebabkan oleh kekalahan dalam peperangan, yang terutamanya menimbulkan sentimen tertentu kepada pihak yang mengalami kekalahan, ada juga faktor yang menimbulkan rasa tidak senang orang Patani terhadap pentadbiran pihak Siam, iaitu untuk pegawai kerajaan yang begitu buruk. Nik Anwar (1999 : 44) menyatakan bahawa,

“... memang telah menjadi satu amalan pemerintah Bangkok menjadikan wilayah-wilayah yang terpencil dari pentadbiran pusat seperti di selatan sebagai tempat ‘pembuangan’ pegawai-pegawai rasuah. Akibatnya, wilayah-wilayah berkenaan mempunyai pegawai yang mengamalkan rasuah, tidak cekap dan tidak bertanggungjawab. Ramai di kalangan

mereka yang terlibat dalam perbuatan-perbuatan rasuah dan kegiatan jenayah yang lain seperti penyeludupan.”

Pencantuman Patani ke negara Siam bukanlah mengikut kehendak penduduk tempatan sama sekali, sebaliknya merupakan satu paksaan dari pihak Siam. Di samping itu pula pegawai-pegawai kerajaan yang dihantar ke sini bermutu kurang baik. Dengan demikian, kebanyakan orang Melayu yang menjadi penduduk tempatan tidak gemar akan pemerintahan Siam, dan menentang serta membantah mengikut cara masing-masing. Tujuan gerakan demikian berbagai-bagai, seperti menuntut autonomi atau membebaskan Patani dari cengkaman Siam dan memerdekakannya. Satu contoh yang ketara ialah tuntutan autonomi yang dikemukakan oleh Haji Sulong Abdul Kadir Tok Mina pada tahun 1946 kepada kerajaan Siam. Tuntutan ini terdiri daripada tujuh perkara seperti yang berikut (dari Mohd. Zamberi, 1994 : 253):

1. Pelantikan seorang pemimpin dengan kuasa penuh untuk mentadbir empat wilayah selatan dengan pemimpin tersebut hendaklah orang Melayu yang beragama Islam dan berwibawa.
2. Kutipan cukai tanah dan sebagainya hendaklah dilaburkan dalam lingkungan wilayah-wilayah setempat sahaja.
3. Bahasa Melayu mesti menjadi bahasa pengantar atau perantaraan dalam semua sekolah bantuan kerajaan.
4. Masyarakat Melayu tempatan mesti memenuhi kuota 90 peratus daripada kakitangan kerajaan.
5. Bahasa Melayu, di samping bahasa Thai, hendaklah digunakan sebagai bahasa rasmi di wilayah-wilayah yang berkenaan.

6. Penubuhan sebuah Majlis Agama Islam yang berkuasa menentukan dan melaksanakan undang-undang Islam dan budaya Melayu di bawah bidang kuasa pemimpin wilayah.
7. Penubuhan mahkamah syariah yang berkecuali dan di luar bidang kuasa mahupun pengaruh mahkamah awam Thai.

Walaupun ini mengambil bentuk 'tuntutan autonomi', hak yang dituntut di sini jelas menunjukkan kecenderungan untuk kemerdekaan, kerana melibatkan hal ehwal yang berkaitan dengan pentadbiran negara secara mendalam, termasuk kutipan cukai dan pengadilan. Di samping itu juga, tuntutan penggunaan bahasa Melayu, baik sebagai bahasa rasmi mahupun sebagai bahasa pengantar pendidikan benar-benar bertentangan dengan hasrat kerajaan Thai yang hendak 'mensiamkan' segala rakyat Thai berdasarkan budaya Thai dengan menggunakan bahasa Thai sebagai alatnya. Tuntutan ini menyebabkan penangkapan Haji Sulong dan pengikutnya, dan ini pula menjadi salah satu sebab berlakunya Peristiwa Dusun Nyiur pada 1946.

3.3.2 Dasar Ratthaniyom

Adanya gerakan yang sedemikian atau kecenderungan umum orang Patani yang tidak gemar akan pemerintahan Siam, dari kaca mata kerajaan Siam pula, dipandang sebagai satu perkara yang tidak menyenangkan sama sekali, dan perlu dihapuskan. Malah, ada pula pemimpin Siam yang mempunyai anggapan bertentangan sama sekali dengan kecenderungan orang Melayu yang diterangkan di atas. Misalnya, Field Marshall Phibul Songkram, perdana menteri Thai yang memerajui negara sebanyak dua kali selama hampir dua puluh tahun (1938-44 dan

1947-57), yang bertanggung jawab dalam pelaksanaan dasar *ratthaniyom* (bererti nasionalisme). Beliau berpendapat bahawa “negara Thai untuk orang Thai, orang beragama lain (dari Buddha) tidak sepatutnya tinggal di sini” (Sirirat Ruangwongwan, 1978, dalam Imran Maklulim, 1995 : 14). Dasar yang dilaksanakan oleh beliau, seperti yang dicerminkan pada namanya, iaitu *ratthaniyom* yang bermaksud ‘nasionalisme’ atau ‘kecintaan negara’, bercorak asimilasi yang terlampau, yang kebanyakannya bertentangan dengan ajaran agama Islam. Beliau percaya bahawa ‘kesedaran (kecintaan negara, iaitu *ratthaniyom*) hanya dapat dicapai melalui rancangan sosiobudaya yang berasaskan konsep nasionalisme, kebudayaan Siam dan agama Buddha” (Nik Anwar, 1990 : 50). Beliau hendak memodenkan negara Siam (nama itu juga ditukar menjadi ‘Thai’) dengan menggunakan pendekatan Barat. Antara dasar yang dilaksanakannya, ada yang berkaitan dengan pakaian, yang “mewajibkan kaum lelaki dan perempuan digesa memakai seluar panjang, berbaju kemeja, berkasut, bertopi, dan berpakaian kemas serta mengambil unsur penghidupan ala Barat untuk dijadikan amalan harian” (Mohd. Zamberi, 1994 : 241). Dasar ini tentunya bercanggah dengan hukum agama Islam yang mewajibkan menutup aurat, terutamanya yang berkaitan dengan pakaian wanita. Pakaian lelaki juga ditentukan supaya mengikut pakaian Barat. Berikutan dengan itu, “golongan ulama berasa cukup gelisah apabila dilarang memakai serban di kepala yang akan diganti dengan topi.” (Mohd. Zamberi, 1994 : 241). Semasa zaman Phibul juga bahasa Melayu tidak dibenarkan sama sekali, bukan sahaja dalam pentadbiran dan urusan rasmi, malah diharamkan diajarkan di sekolah.

Diskriminasi terhadap orang Melayu-Islam berlaku kerana dalam dasar *ratthaniyom* ini, agama Buddha dianggap salah satu intipati. Dengan demikian,

awatan tinggi dalam perkhidmatan awam, polis, tentera serta peluang pelajaran tidak diberi kepada orang Melayu Islam (Mohd. Zamberi, 1994 : 245).

Oleh sebab keterlaluan nasionalisme dan pelaksanaan yang agak mendadak, dasar yang dilakukan oleh Phibul mengalami kegagalan. Menurut Worawit Baru @ Ahmad Idris (1999a : 143), dasar ini tidak sesuai dijadikan landasan dalam pentadbiran orang Islam di Thailand, sebaliknya memupuk sikap negatif terhadap kerajaan Thai sejak dasar itu dilaksanakan dan seterusnya. Wan Abdul Kadir Che Man (1989, dalam Mohd. Zamberi, 1994 : 259) pula memberi beberapa sebab kegagalan dasar integrasi budaya seperti yang berikut:

- . Kegagalan para pegawai Thai tempatan menjalankan tugas dan tanggung jawab mereka.
- . Kekurangan anggaran belanjawan negara.
- . Wujudnya perasaan curiga dan prasangka antara pegawai Thai tempatan dengan masyarakat Melayu-Islam.
- . Beberapa masalah yang tercetus di kalangan masyarakat tersebut yang hanya boleh diselesaikan sendiri tanpa campur tangan pihak berkuasa kerajaan yang tidak memahami kehendak dan aspirasi penduduk.

3.3 Penukaran Nama Tempat dan Dasar Nama Baka

Walaupun dasar kerajaan Phibul yang terlampau ini mengalami kegagalan, landasan sikap kerajaan Thai (setelah zaman Phibul, nama Siam ditukarkan menjadi Thai) tetap sama, iaitu mengasimilasikan orang Melayu. Dasar kerajaan yang

memberi kesan secara langsung terhadap orang Melayu ialah dasar nama baka; namun begitu dasar penukaran nama tempat juga memberi kesan kepada bahasa Melayu.

Seperti yang dijelaskan dalam bahagian yang menerangkan hasil dasar bahasa di Malaysia, dari segi padanannya penggunaan bahasa Melayu di Malaysia amat menonjol, dan boleh dikatakan bahawa dari segi penggunaan bahasa yang terdapat di kawasan bandar, bahasa Melayu memang mengambil tempat yang paling utama. Nama-nama tempat di Semenanjung Malaysia, misalnya, hampir semuanya terdiri daripada perkataan Melayu, kecuali beberapa nama tempat dalam bahasa Cina dan bahasa Inggeris. Tetapi pada masa yang sama, penggunaan bahasa-bahasa lain masih dibenarkan. Misalnya, di kawasan bandar kita dapat menyaksikan nama-nama kedai yang ditulis dalam beberapa jenis huruf. Dengan kata lain, nama-nama kedai yang ada di Malaysia menunjukkan keanekabahasaan.

Di Thailand keadaannya sebaliknya. Penggunaan bahasa di papan tanda hampir semuanya dikuasai oleh bahasa Thai, dan di bawahnya ditulis bahasa Inggeris dengan huruf yang jauh lebih kecil daripada bahasa Thai. Begitu juga nama-nama tempat. Nama-nama tempat di Thailand pula ditulis dengan huruf Thai, dan di bawahnya ditulis tulisan rumi. Dengan adanya dasar penukaran nama tempat, nama-nama tempat bahasa Melayu digantikan dengan nama tempat bahasa Thai. Projek penukaran nama tempat di sekitar wilayah Pattani bermula pada tahun 1983, dan berakhir pada tahun 1984. Walaupun begitu, masyarakat Melayu Patani, terutamanya kawasan luar bandar, masih tidak senang dengan penukaran nama tersebut. Ada pula papan-papan nama tempat yang dipadamkan bahagian tempat bahasa Thai dengan cat hitam (Waemajid, 1991 : 31).

Akibatnya, sesetengah nama tempat mempunyai dua nama, iaitu nama dalam bahasa Melayu (dialek Patani) dengan nama dalam bahasa Thai. Dalam bahasa Melayu dialek Patani, nama untuk bandar utama di wilayah sempadan selatan Thai kebanyakannya dipanggil dalam nama Melayunya seperti yang berikut:

Jadual 3.1 Nama Tempat dalam Bahasa Thai dan Dialek Patani

Bahasa Thai	Dialek Patani
Narathiwat /nara.t ^h wat/	/nayɔ/ dari ‘Menara’
Pattani /patta.ni:/	/’taniŋ/ dari ‘Patani’
Songkhla /soŋk ^h la/	/səgoɣɔ/ dari ‘Singgora’
Yala /yaʔla:/	/jala/ atau /nibon/ dari ‘Nibung’

Bandar-bandar yang disenaraikan di atas mempunyai sejarah yang lama, manakala bandar yang paling besar di kawasan ini, iaitu Hatyai yang berkembang kerana di situ terdapat stesyen kereta api dan mengambil alih pusat perniagaan dari Songkhla, dahulunya berfungsi sebagai pusat perniagaan dan bandar pelabuhan.

Walaupun ada nama-nama tempat dalam bahasa Thai, tetapi oleh sebab penggunaannya kurang digemari, maka terdapat dualisme dalam panggilan nama tempat. Jika orang-orang Melayu Patani bercakap dalam bahasa Thai (hampir semuanya dalam bahasa Thai baku, bukan bahasa Thai dialek selatan), nama-nama tempat jarang dirujuk dalam bentuk bahasa Melayu, tetapi bentuk dalam bahasa Thai digunakan. Sebaliknya, jika bertutur dalam bahasa Melayu dialek Patani, nama-nama tempat biasanya dirujuk dalam bentuk bahasa Melayu, ataupun dalam bentuk bahasa Thai yang bunyinya dimelayukan.

Halnya sama dengan nama-nama orang. Tidak seperti di Malaysia yang pendaftaran nama orang Melayu mengikut cara bangsa Arab, yang nama sendiri (sekarang kebanyakannya dalam bahasa Arab) diikuti oleh nama bapa, di Thailand pula semua warganegaraanya diwajibkan menggunakan nama baka sejak penguatkuasaan Akta Penggunaan Nama Baka B.E. 2464 (1921 M.). Nama-nama Melayunya didaftar mengikut ejaan bahasa Thai, dan ada juga diberikan nama bahasa Thai. Nama pendaftaran ini digunakan dalam surat-surat rasmi atau situasi rasmi. Tetapi nama pendaftaran tidak pula digunakan dalam percakapan biasa, sebaliknya nama yang digunakan dalam percakapan biasa ialah nama timangan (*chue len*) atau nama bahasa Melayunya. Seseengah orang Melayu Thai, atau orang Thai Muslim dari wilayah-wilayah lain, di samping nama Thai, mempunyai nama bahasa Arab. Dengan demikian, boleh dikatakan bahawa dualisme yang terdapat dalam kes nama tempat, berlaku juga pada nama-nama orang.

Jadual 3.2 Contoh Nama Orang Thai Muslim

Nama Pendaftaran	Nama Bahasa Arab	Nama Timangan
Diraek Manari	Abdul Malik	Port
Preecha Suksai	Usman	De

3.3.4 Penukaran Sistem Pendidikan Pondok

Pada satu ketika dahulu Patani terkenal sebagai pusat pendidikan Islam serantau, terutamanya kerana terdapat banyak sekolah pondok. Tidak diketahui sejak bila sistem pendidikan pondok dimulakan, namun pada awal abad ke-19 Patani telah menjadi pusat pendidikan Islam, dan selalunya digelar sebagai 'serambi Makkah', kerana muda mudi Islam dididik di pondok sebelum dihantar ke negara-negara Timur

Tengah (Hassan Madmarn, 1999 : 14). Dalam sistem pendidikan pondok di Patani, bahasa Melayu dialek Patani digunakan sepenuhnya sebagai bahasa pengantar bersama dengan bahasa Arab. Dalam hal ini, peranan kitab Jawi (yang dirujuk sebagai *kitab kuning*) amat mustahak, kerana buku pengajaran dalam sistem pondok terdiri daripada kitab-kitab bahasa Melayu yang dihasilkan oleh alim ulama Patani yang ditulis dalam tulisan Jawi di samping kitab bahasa Arab. Peranan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dalam sistem pengajaran di pondok amat penting, dan tujuan penggunaan bahasa Melayu adalah untuk memahami kitab bahasa Arab (Hassan Madmarn, 1997 : 87). Dengan kata lain, menurut Hassan Madmarn lagi, bahasa Melayu memainkan peranan yang penting di samping bahasa Arab, dan apabila pelajar mencapai tahap menengah (*al-marhalah al-thaanawiiyah*), bahasa pengantarnya beralih kepada bahasa Arab.

Pelajar-pelajar yang menuntut di pondok bukan sahaja terdiri daripada pelajar dari dalam wilayah sempadan selatan Thailand, malah ramai yang datang dari kawasan luar yang merupakan kawasan berbahasa Thai. Oleh sebab dalam sistem pondok tidak ada pengajaran bahasa Melayu, maka pelajar dari luar terpaksa menguasai bahasa Melayu dengan usaha sendiri serta bantuan dari rakan sepengajian supaya boleh mengikuti kuliah yang disampaikan dalam bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, pelajar dari luar juga akhirnya berjaya menguasai bahasa Melayu dengan baik. Dengan kata lain, pondok bukan sahaja berfungsi sebagai benteng pertahanan bahasa Melayu, malah memainkan peranan sebagai penyebar bahasa Melayu. Hassan Madmarn (1998 : 36) menyatakan bahawa,

“... anak-anak murid yang tidak berbahasa Melayu datang dari kawasan selatan tengah, seperti dari Songkhla, Patthalung, Trang, Krabi, Pangnga, dan Nakhon Sri Thammarat. Di kawasan ini, pada umumnya, penduduk-penduduk tidak bercakap bahasa Melayu. Demikian juga, yang datang dari kawasan Bangkok pun kebanyakan tidak berbahasa Melayu. Orang-orang inilah yang betul-betul mula belajar bahasa Melayu dari kitab Jawi. Mereka memang faham iBarat-iBarat dalam kitab-kitab itu.”

Pengkaji sendiri dapat berkenalan dengan beberapa orang bekas pelajar pondok dari kawasan luar. Mereka bukan sahaja menguasai bahasa Melayu dialek Patani, malah dapat menguasai bahasa Melayu dalam sebutan baku dengan baik, iaitu bentuk yang tidak dipengaruhi oleh pelat Patani. Mungkin hal ini disebabkan oleh hakikat bahawa bagi mereka bahasa Melayu merupakan bahasa kedua atau bahasa pembelajaran formal. Dengan demikian, bentuk baku lebih mudah dikuasai oleh mereka berbanding dengan pelajar-pelajar tempatan.

Tetapi dari kaca mata kerajaan Thai, sistem pendidikan pondok merupakan satu sistem yang perlu diubahsuaikan mengikut hasrat kerajaan, yang hendak mendidik semua anak-anak muda dalam bahasa Thai supaya fasih berbahasa Thai. Hasrat kerajaan Thai terhadap bahasa Thai dalam sistem pendidikan mempunyai persamaan yang jelas dengan hasrat kerajaan Malaysia pada tahap awal pembinaan negara seperti yang tercatat dalam Penyata Razak 1956, iaitu untuk mendidik kanak-kanak dari semua bangsa di bawah satu sistem pendidikan yang berpengantar bahasa Melayu. Perbezaan terdapat pada ketegasan dalam pelaksanaan. Di Malaysia sistem pendidikan berbahasa pengantar bahasa Cina dan bahasa Tamil dibenarkan; di

amping itu, pada peringkat pengajian tinggi, penggunaan bahasa Melayu sentiasa dicabar oleh bahasa Inggeris. Di Thailand pula, hasrat kerajaan bercorak sama dengan hasrat kerajaan Malaysia, iaitu hendak mendidik kanak-kanak dari semua bangsa dalam satu sistem pendidikan yang berbahasa pengantar bahasa Thai. Tetapi sikap kerajaan dalam pelaksanaan dasar lebih tegas dan bersungguh jika dibanding dengan sikap kerajaan Malaysia. Oleh sebab halnya demikian, sistem pendidikan yang berpengantar bahasa Melayu dianggap ancaman terhadap perpaduan negara (kerana asas perpaduan ialah bahasa Thai), dan perlu diubahsuaikan mengikut kehendak kerajaan.

Di samping faktor bahasa, satu lagi terasa integrasi kaum, iaitu kesedaran sebagai rakyat Thai juga tidak terdapat dalam sistem pondok, malah dianggap institut yang memupuk semangat kebangsaan Melayu berdasarkan agama Islam. Seperti yang dijelaskan dalam **Bab 2**, di Thailand, pertalian antara Melayu dengan Islam tidak dapat dipisahkan, dan dalam hal ini bahasa Melayulah memainkan peranan yang penting sebagai intipati jati diri Melayu, sehingga timbul istilah *phaasaa itsalaam* bermaksud 'bahasa Islam', istilah yang digunakan oleh orang Thai untuk merujuk kepada bahasa Melayu dalam percakapan). Oleh yang demikian, penukaran sistem pondok merupakan satu langkah yang penting dalam menjalankan perpaduan kaum.

Dalam bentuk asalnya, sekolah pondok (atau dalam bahasa Melayu dialek Melayu dipanggil sebagai *ponok* dan istilah ini menjadi perkataan bahasa Thai) diuruskan oleh seorang tok guru. Pelajar tidak dikenakan yuran pelajaran, dan tidak dihadkan jangka pelajaran. Selain itu, tidak ada penilaian berdasarkan peperiksaan, dan tidak ada pembahagian kelas mengikut tahap pelajaran. Pelajar-pelajar

amping itu, pada peringkat pengajian tinggi, penggunaan bahasa Melayu sentiasa dicabar oleh bahasa Inggeris. Di Thailand pula, hasrat kerajaan bercorak sama dengan hasrat kerajaan Malaysia, iaitu hendak mendidik kanak-kanak dari semua bangsa dalam satu sistem pendidikan yang berbahasa pengantar bahasa Thai. Tetapi sikap kerajaan dalam pelaksanaan dasar lebih tegas dan bersungguh jika dibanding dengan sikap kerajaan Malaysia. Oleh sebab halnya demikian, sistem pendidikan yang berpengantar bahasa Melayu dianggap ancaman terhadap perpaduan negara (kerana asas perpaduan ialah bahasa Thai), dan perlu diubahsuaikan mengikut kehendak kerajaan.

Di samping faktor bahasa, satu lagi terasa integrasi kaum, iaitu kesedaran sebagai rakyat Thai juga tidak terdapat dalam sistem pondok, malah dianggap institut yang memupuk semangat kebangsaan Melayu berdasarkan agama Islam. Seperti yang dijelaskan dalam **Bab 2**, di Thailand, pertalian antara Melayu dengan Islam tidak dapat dipisahkan, dan dalam hal ini bahasa Melayulah memainkan peranan yang penting sebagai intipati jati diri Melayu, sehingga timbul istilah *phaasaa itsalaam* bermaksud 'bahasa Islam', istilah yang digunakan oleh orang Thai untuk merujuk kepada bahasa Melayu dalam percakapan). Oleh yang demikian, penukaran sistem pondok merupakan satu langkah yang penting dalam menjalankan perpaduan kaum.

Dalam bentuk asalnya, sekolah pondok (atau dalam bahasa Melayu dialek Melayu dipanggil sebagai *ponok* dan istilah ini menjadi perkataan bahasa Thai) diuruskan oleh seorang tok guru. Pelajar tidak dikenakan yuran pelajaran, dan tidak dihadkan jangka pelajaran. Selain itu, tidak ada penilaian berdasarkan peperiksaan, dan tidak ada pembahagian kelas mengikut tahap pelajaran. Pelajar-pelajar

menendirikan tempat kediaman sendiri yang berbentuk pondok dalam kawasan sekolah. Oleh sebab tapak tanah sekolah biasanya merupakan tanah tok guru sendiri atau tanah wakaf, pelajar juga tidak dikenakan sebarang bayaran. Pengajarannya dilakukan di sebuah dewan yang berdekatan dengan rumah tok guru, dan dalam pengajarannya papan hitam tidak digunakan. Pengajarannya bergantung pada penjelasan tok guru secara lisan. Para pelajar mencatat penjelasan tok guru di sebelah setiap halaman kitab kawi yang terkenal dengan istilah *dabir*. Apabila pelajar pulang ke kampungnya kelak, catatan ini menjadi bahan yang penting dalam pengajaran serta penyebaran ilmu agama kepada orang-orang sekampungnya (Worawit Baru @ Ahmad Idris, 1999a : 223). Oleh sebab sekolah pondok tidak memiliki sistem penilaian berdasarkan peperiksaan, maka amat sukar untuk menilai pencapaian para pelajar. Hal ini tentunya menjadi satu sebab yang membangkitkan rasa curiga pihak kerajaan Thai terhadap keberkesanan sistem pendidikan pondok.

Satu lagi unsur yang menyebabkan penukaran sistem pendidikan ialah berkaitan dengan soal buta huruf. Menurut perangkaan yang dikemukakan oleh kerajaan Thai, wilayah sempadan selatan Thai merupakan kawasan yang kadar buta hurufnya paling tinggi dalam negaranya.

Radual 3.3 Kadar Buta Huruf di Wilayah Sempadan Selatan

Tahun	1947	1960	1970	1980
Thailand	47%	28%	18.2%	14.3%
Varathiwat	88%	72%	53.1%	35.23%
Nattani	83%	67%	50.8%	32.36%
ala	77%	62%	44%	27.38%
atun	78%	58%	32.4%	19.47%

Sumber: diubahsuaikan daripada Jihad Muhammad (1999 : 9) yang berdasarkan perangkaan Pusat Jawatankuasa Pendidikan Negara)

tetapi adalah aneh sekali, di kawasan yang pernah terkenal sebagai pusat pendidikan perantau, yang terdapat banyak sekolah pondok, kebanyakan penduduk tempatannya buta huruf (pada tahun 40-an kadarnya hampir 90 peratus). Apatah lagi tanah Patani pernah menghasilkan alim ulama yang terkenal, dan di sinilah dihasilkan beratus-ratus judul kitab Jawi (Jihad Muhammad, 1999 : 11). Sebenarnya, apa yang dimaksudkan 'buta huruf' di sini ialah buta huruf bahasa Thai, iaitu mereka tidak mampu membaca dalam bahasa Thai. Ini tidak bermakna penduduk tempatan tidak mampu membaca kitab Jawi, apatah lagi membaca al-Quran. Tetapi bagi kaca mata kerajaan Thai, kebolehan dalam membaca tulisan Jawi tidak bererti sama sekali, malah tidak dikira sebagai 'celik huruf'. Dengan demikian, peningkatan kebolehan membaca bahasa Thai merupakan langkah yang perlu diambil untuk mencapai hasrat perpaduan.

Penukaran sistem pendidikan pondok bermula sejak tahun 1961. Pada tahap permulaan, sekolah pondok diberi amaran supaya berdaftar dengan pihak kerajaan. Kemudian, pada tahun 1965, kerajaan mula campur tangan dalam kurikulum. Sebelum ini sekolah pondok diuruskan oleh tok guru, dan cara penyusunan pengajarannya terserah kepada budi bicara tok guru. Tetapi kini pihak pondok terpaksa mengikuti hasrat kerajaan. Tarafnya ditukar menjadi 'sekolah swasta mengajar agama Islam (*rong rian eekachon sorn satsanaa itslaam*)'. Antara perubahan yang berlaku terhadap sekolah pondok setelah campur tangan kerajaan, yang meninggalkan kesan yang paling ketara terhadap bahasa Melayu ialah memasukkan bahasa Thai melalui penambahan mata pelajaran umum. Dengan demikian, bahasa Melayu terpaksa berkongsi kedudukan sebagai bahasa pengantar dengan bahasa Thai, iaitu aliran pelajaran agama dalam bahasa Melayu dan aliran pelajaran umum dalam bahasa Thai. Kemasukan mata pelajaran aliran umum (atau

aliran akademik) tentunya mengurangkan mata pelajaran aliran agama yang disampaikan dalam bahasa Melayu. Kini di sekolah pondok (atau madrasah) bahasa Melayu semakin hilang tempatnya. Bahasa Melayu sebagai mata pelajaran, dalam satu minggu, diajar tiga jam bagi pelajar menengah bawah, dan dua jam kepada pelajar menengah atas (Worawit Baru @ Ahmad Idris, 1999 : 215).

3.4 Penutup

Dasar kerajaan mempunyai pengaruh yang amat besar terhadap arah perkembangan sesuatu bahasa. Jika pihak kerajaan hendak mengembangkan sesuatu bahasa, melalui dasar tersebut serta penggubalan undang-undang yang berkaitan dengannya, dapat mengembangkan bahasa yang dipilih, baik dari segi taraf mahupun dari segi korpus. Dasar bahasa Melayu di Malaysia membuahkan kejayaan yang amat cemerlang terutamanya dari segi taraf perundangan yang diberikan kepada bahasa Melayu. Tetapi pada masa yang sama, kuasa yang sama yang ada pada kerajaan dapat juga berfungsi untuk menukar ke arah perkembangan yang sebaliknya. Dengan kata lain, dasar kerajaan juga boleh mengundurkan sesuatu bahasa melalui berbagai-bagai cara. Salah satu daripadanya ialah dengan memperluas bidang penggunaan bahasa yang dipilih sebagai bahasa rasmi, bahasa-bahasa lain disingkirkan daripada bidang penggunaan berkenaan. Contoh yang terbaik ialah bahasa Inggeris di Malaysia sebelum kemerdekaan, yang begitu luas bidang penggunaannya sehingga meliputi hampir semua bidang yang penting, kini takhtanya diambil alih oleh bahasa Melayu, walaupun tidak secara sepenuhnya. Peluasan bidang penggunaan sesuatu bahasa pada masa yang sama bermaksud penyingkiran sesuatu bahasa yang lain. Hal ini boleh

berlaku sama ada secara rela hati oleh pihak penutur bahasa yang disingkir atau secara paksaan daripada pihak kerajaan.

Di Malaysia pengurusan bahasanya amat cekap, dan bahasa-bahasa kaum lain, terutamanya bahasa Cina dan bahasa Tamil dikekalkan bidang penggunaannya masing-masing. Kedua-dua bahasa ini masih memegang peranan sebagai bahasa pengantar di sekolah jenis kebangsaan, atau berperanan sebagai penyampaian media, baik dalam bentuk elektronik mahupun cetakan. Begitu juga bahasa-bahasa kaum bumiputera bukan Melayu di Sabah dan Sarawak. Bahasa kaum ini yang jumlah penuturnya agak besar, contohnya bahasa Iban di Sarawak dan bahasa Kadazan di Sabah, masing-masing diperuntukkan bidang penggunaan yang tertentu.

Di Thailand pula, kuasa kerajaan digunakan ke arah yang sebaliknya. Dari satu sudut, penganjuran atau peningkatan penggunaan bahasa Thai yang dilancarkan oleh pihak kerajaan sama coraknya dengan sikap kerajaan Malaysia yang meningkatkan bidang penggunaan bahasa Melayu. Tetapi perbezaannya ada pada sikap dan ketegasan. Bahasa Thai dianjurkan sebagai satu-satunya bahasa teras perpaduan negara, di samping budaya Thai dan institut agama Buddha. Selain itu, kerajaan Thai tidak memberi sebarang bantuan terhadap bahasa Melayu supaya bahasa ini tidak berkembang. Dengan demikian, bahasa Melayu di Thailand amat sempit atau semakin disempitkan bidang penggunaannya; maka tidak ada nilai-nilai tertentu yang lazim ada pada bahasa yang kuat, seperti nilai kemasyarakatan, nilai ekonomi, nilai pentadbiran, nilai ilmiah dan sebagainya. Memang tidak dapat dinafikan bahawa masih terdapat peniaga-peniaga kaum Siam dan Cina di kawasan bandar dalam wilayah sempadan selatan yang dapat bertutur dalam bahasa Melayu. Di

samping itu, di kaunter hotel di Narathiwat, Sungai Golok dan Yala, pekerjaanya kebanyakan dapat bertutur dalam bahasa Melayu. Ini bermakna bahasa Melayu masih mempunyai sedikit nilai ekonomi, tetapi nilai ekonomi ini, jika dibandingkan dengan bahasa Thai, jauh lebih kecil. Kini nilai yang ada pada bahasa Melayu di Thailand cuma tinggal nilai keagamaan dan nilai sentimen perkauman, iaitu nilai yang berkaitan dengan jati diri Melayu sahaja.

Di sini, terdapat satu keadaan yang agak mirip di antara Malaysia dan Thailand,. Walaupun bidang penggunaan yang diperuntukkan melalui dasar serta undang-undang jauh berbeza, penggunaan bahasa Melayu lebih banyak bergantung kepada kesedaran.

Di Malaysia, masih terdapat beberapa bidang yang lemah penggunaan bahasa Melayunya, seperti bidang ekonomi dan perniagaan, pendidikan tinggi terutamanya aliran sains dan sebagainya. Penggunaan bahasa Melayu dalam bidang-bidang tersebut tidak dapat dipaksakan oleh undang-undang lagi, dan semata-mata bergantung kepada kesedaran pengguna bahasa.

Di Thailand pula, penggunaan bahasa Melayu dalam bidang-bidang utama disekat oleh kerajaan seperti yang telah dijelaskan dalam bahagian terdahulu. Berikutan dengan itu, nilai yang ada pada bahasa Melayu juga turut berkurangan. Dengan demikian, penggunaan bahasa Melayu, iaitu satu bahasa yang tidak bernilai dalam bidang-bidang utama, semata-mata bergantung pada kesedaran pengguna. Kesimpulannya, semakin meningkat kesedaran kebahasaan dan jati diri, semakin meningkatlah penggunaan bahasa Melayu. Sebaliknya, sekiranya tidak tumbuh

kesedaran kebahasaan dalam minda masyarakat pengguna bahasa Melayu, maka mundurlah bahasa Melayu dalam alaf baharu, yang akan dicorakkan oleh cabaran dan ancaman. Cabaran dan ancaman terhadap bahasa Melayu secara keseluruhannya akan dibincangkan dalam bab terakhir kelak.